



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Kosmo
Date	04/06/2012



Tun M langgar tradisi keluarga

SEBELUM teater *Tim Slti Hasmah* bakal dipentaskan bermula 30 Ogos sehinggalah 8 September ini), kisah hidup suaminya. Tun Dr. Mahathir terlebih dahulu telah dipentaskan dengan judul *MttfMl tm Mahathir* pada tahun 2010.

Menerima sambutan hangat dalam kalangan penonton kerana berjaya mengaitkan sisi lain dan perjumpaan hidup seorang pemimpin negara yang cukup masyhurlah di mata dunia, empati badan bagaimanapun mempunyai persepsi sendiri terhadap persembahan tersebut

Tanpa bersempit, Dr. Mahathir yang ditemui pada majlis sama memberitahu bahawa beliau terkejut kerana berasa kurang senang untuk berkongsi kehidupan peribadi kepada umum.

"Saya malu. Saya orang yang tidak berkongsi kisah peribadi kepada umum, apalagi mahu berkongsi tentang diri saya sendiri.

"Saya tak kisah untuk bercakap tentang parti atau politik, tapi bukan tentang diri sendiri dan kehidupan peribadi. Saya malu.

"Sebenarnya, saya juga meyarang banyak orang untuk merakamkan gambar dan menulis tentang saya, tetapi ia tidak boleh dihalang kerana semua orang mahu berbuat demikian" ujarnya berterus terang sebelum meminta diri untuk menunaikan solat Jumaat.

Beliau bagaimanapun sewaktu ditemu bual untuk memantapkan jalan cerita teater isterinya menceritakan sedikit tentang blblt pertengahan beliau dengan Slti Hasmah sehingga mereka bembikah walau beliau telah melanggar tradisi keluarga apabila bembikah dengan ealon isteri pilihan sendiri, bukan berdasarkan pilihan kedua orang tuanya.

"Kami berkenalan lama sejak zaman kolej sebelum bertunang pada tahun 1956, Malah, sewaktu awal perkenalan, saya mempunyai pandangan yang skeptikal terhadap Slti Hasmah kerana saya lahir daripada keluarga yang konservatif, berbanding beliau yang kelihatan agak moden kerana mendapat pendidikan di sekolah Inggeris.

"Saya juga menganggap kehidupan beliau agak kebaratan" tetapi selepas mengenali beliau, Slti Hasmah jug rupanya ditinggalkan daripada keluarga yang konservatif dan saya senang hati kerana saya tidak pernah bergaul dengan wanita melainkan ia ahli keluarga saya.

"Malah sewaktu saya membawa Slti Hasmah pulang ke Kedah, ada keluarga yang menerima dan ada yang tidak kerana budaya keluarga saya calon isteri atau suami dipilih oleh kedua orang tua kami. tetapi saya telah mempunyai pilihan sendiri untuk berkahwin dengan siapa yang saya mahu" dedah Dr. Mahathir yang meraikan perkahwinan mereka selama lima hari lima malam."